



**SELASA, 14 FEBRUARI 2023
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PESAWAT LATIHAN MEMBUAT PENDARATAN PAKSA
DI JASIN, MELAKA**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan sebuah pesawat latihan telah membuat pendaratan paksa di Jasin, Melaka berikutan masalah teknikal yang dilaporkan oleh juruterbang. Pesawat jenis Piper PA-28-181, 9MSKJ telah memohon kebenaran daripada Menara Kawalan Trafik Udara untuk mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Walau bagaimanapun pesawat yang dikendalikan oleh Malaysian Flying Academy (MFA) telah membuat pendaratan paksa di Kilang Xinyi Energy Smart, Jasin, Melaka pada 11:05 pagi, Selasa, 14 Februari 2023.

Penerbangan tersebut melibatkan seorang juruterbang dan seorang pelajar yang dilaporkan berada dalam keadaan selamat. Siasatan lanjut akan dilaksanakan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia